

Perhimpunan Agung MIC

Tiada parti paling dominan: PM

Semua komponen main peranan, sumbangan sama penting dalam era politik baharu

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Klang: Malaysia kini memasuki era baharu politik yang mana tiada parti boleh mendakwa paling dominan dan berhak memegang tampuk kuasa dengan memperkecilkan peranan parti lain, kata Tan Sri Muhyiddin Yasin.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN), menegaskan dalam era politik baharu, semua parti mempunyai peranan dan sumbangan yang sama penting untuk menjaga kebajikan rakyat dan memajukan negara.

"Itu politik lama. Kita sudah memasuki era baharu dalam politik negara. Kerana itu, kita perlu mengamalkan budaya politik berasaskan persefahaman, perundingan dan konsensus dalam mencari jalan terbaik untuk memelihara kestabilan politik, membela nasib rakyat dan memacu kemajuan negara.

"Dalam apa sahaja hala tuju politik diambil oleh parti politik, pertimbangan utamanya mestilah

kepentingan rakyat dan negara, bukan kepentingan individu atau kelompok kecil," katanya ketika menyampaikan ucapan khas secara maya sempena Perhimpunan Agung MIC di sini, semalam.

Presiden MIC, Tan Sri S A Vigneswaran dan Timbalannya, Datuk Seri M Saravanan, turut menyaksikan ucapan khas itu bersama lebih 1,000 perwakilan MIC yang mengikutinya secara fizikal dan maya di seluruh negara.

Muhyiddin berkata, apa sahaja perkara baik untuk rakyat dan negara, itulah yang sepatutnya menjadi prinsip panduan kepada mana-mana organisasi politik, termasuk MIC, dalam menentukan hala tuju parti masa hadapan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada MIC yang terus memberikan sokongan kepada kerajaan PN. Ini satu tindakan rasional kerana dengan sokongan MIC, kerajaan PN dapat terus berfungsi dengan baik dalam mentadbir negara dan memberi khidmat terbaik kepada rakyat, terutama dalam waktu sukar ini.

"Saya berharap sokongan MIC kepada PN, bukan saja pada masa ini, tetapi juga akan datang. Saya percaya, sekiranya kita berada pada landasan sama, dalam saf sama, kita akan dapat bersama-sama menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara yang pastinya akan memberikan manfaat besar kepada



Muhyiddin menyampaikan ucapan secara maya pada Perhimpunan Agung MIC Ke-74 di Klang, semalam.

(Foto BERNAMA)

semua rakyat tanpa mengira kaum," katanya.

Beliau berkata, kestabilan politik perlu diwujudkan bagi membolehkan kerajaan mengurus negara dengan cekap dan berkesan ketika semua sedang berhadapan dengan suatu krisis yang dikatakan sebagai *unprecedented* atau tidak pernah berlaku sebelum ini, iaitu pandemik COVID-19.

Katanya, tumpuan pada masa ini ialah untuk memerangi COVID-19, memastikan rakyat mendapat suntikan vaksin dan memulihkan ekonomi negara serta tidak boleh diganggu-gugat oleh perkara lain yang menyebabkan politik tidak stabil, negara terumbang-ambing dan kebajikan rakyat terabai.

"Saya fikir pimpinan MIC faham akan situasi yang dihadapi oleh negara dan rakyat pada masa ini dan oleh sebab itu terus memberikan sokongan kepada kerajaan PN untuk mengurus negara dan membantu rakyat.

"Ini adalah satu pendirian yang tepat dan rasional. Saya percaya masyarakat India di negara ini dapat menilai pendirian MIC dengan sebaiknya dan menyokong pendirian ini," katanya.

Justeru, beliau menegaskan, sebagai sumbangan paling besar yang boleh dilakukan oleh MIC ialah dengan mengutamakan politik perpaduan demi khidmat kepada rakyat, bukan politik berpecah-belah demi kepentingan sempit.

Dalam perkembangan berasingan, Muhyiddin berkata, Malaysia perlu mengorak langkah pantas dalam persaingan peringkat serantau dan antarabangsa bagi menarik lebih banyak pelaburan asing, meningkatkan hubungan dagang, memacu pertumbuhan ekonomi yang pesat, menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat dan meningkatkan pendapatan mereka.

Katanya, sebuah negara yang maju, makmur dan bersatu padu perlu dibina dengan rakyatnya

daripada pelbagai latar kaum, agama, bahasa dan budaya hidup aman, damai dan bahagia.

"Kemajuan ekonomi, kebajikan rakyat, perpaduan kaum dan tadbir urus yang baik adalah prinsip panduan atau *guiding principles* yang menjadi asas pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional (PN).

"Saya percaya, andai kita konsisten berpegang kepada prinsip ini, kita akan benar-benar berjaya membina sebuah negara yang maju, makmur dan sejahtera," katanya.

Mengulas lanjut Muhyiddin berkata, kerajaan PN sememangnya meletakkan kepentingan rakyat dan negara sebagai pertimbangan utama dalam membuat sebarang keputusan.

Katanya, ini termasuk langkah kawalan pergerakan yang dilaksanakan untuk membendung wabak COVID-19 dan pakej rangsangan ekonomi yang keseluruhannya sehingga kini berjumlah RM340 bilion untuk membantu rakyat dan perniagaan.